

KESAN KAEDAH BER CERITA TERHADAP MOTIVASI DAN PENCAPAIAN MURID TAHUN 4 DALAM BIDANG AQIDAH

[1] Rabiatal Adawiah bt Ahmad Rashid
[2] Ahmad Tamizi bin Abu

ABSTRACT

The teaching of Islamic education including Aqidah involves taalim (teaching), taadib (instilling values) and tarbiah (educating). Story telling approach is believed to suit well with such threefold nature of Islamic education. This research aims at investigating the effects of story telling approach toward students' academic achievement and motivation in learning Aqidah. Quasi experimental design was used as the research design for this study involving 60 respondents from two different schools in Pulau Pinang. The respondents were divided into two groups, namely the experimental group and the control group. The experimental group was treated with the story telling approach in learning Aqidah while the control group experienced the traditional lecture-style teaching approach. The intervention continued for eight weeks. Questionnaire and achievement test (pre-test and post-test) were used as research instruments for data collection. Independent sample t-test and paired t-test technique were used to analyze the data. Findings revealed a significant difference in students' academic achievement and motivation in learning Aqidah through the story telling approach.

Keywords: *Islamic Education, Aqidah, Story Telling Technique, Motivation, Academic Achievement*

[1] Pusat Pengajian Ilmu
Pendidikan, Universiti Sains
Malaysia,
11800 USM Pulau Pinang,
Malaysia
r_adawiah@usm.my

[2] SK Hujung Keton,
06750 Pendang, Kedah,
Malaysia
mizi5588@gmail.com

PENDAHULUAN

Aqidah merupakan bidang yang menjadi tunjang utama seorang muslim dan merupakan pra-syarat utama dalam pembinaan sesebuah tamadun Islam itu sendiri (Shuhairimi, 2004). Kemantapan Aqidah akan meningkatkan keimanan seseorang individu terhadap Allah Taala melalui tiga unsur utama, pengetahuan yang mendalam, kepercayaan yang jitu dan keyakinan yang teguh, yang ketiga-tiga unsur tersebut akan membentuk iman yang kukuh yang menjadi tonggak kekuatan ruhaniyah yang cukup kental untuk membina jiwa dan jasmani manusia dan menjadi penghalang dari melakukan kejahatan dan maksiat (JAKIM, 2017). Ketiadaan iman dan taqwa dalam diri individu muslim khususnya pelajar akan mendedahkan mereka kepada kepencongkan akhlak dan kehilangan panduan serta pedoman hidup bagi mendepani saat-saat kehidupan yang seterusnya. Said (1996) menegaskan bahawa seseorang yang jahil dalam bidang Aqidah akan terbinasalah kepercayaan dan amalan mereka dan mereka terdedah kepada pelbagai maksiat.

Penerapan nilai keimanan dan ketaqwaan dalam diri para pelajar melalui pengajaran Aqidah dalam Pendidikan Islam merupakan unsur yang terpenting, kerana ia melibatkan penanaman benih-benih kepercayaan dan pegangan yang mantap seorang insan itu terhadap penciptaNya. Ia merupakan intipati kepada amalan Islam seseorang muslim. Seseorang yang tidak memiliki Aqidah menyebabkan amalannya tidak akan diterima oleh Allah SWT. Ayat-ayat al-Quran yang terawal yang diturunkan di Makkah berkisarkan kepada pembinaan Aqidah umat Islam ketika itu. Dengan asas pendidikan dan penghayatan Aqidah yang kuat dan jelas maka Nabi Muhammad SAW telah berjaya melahirkan sahabat-sahabat yang mempunyai daya tahan yang kental dalam mempertahankan dan mengembangkan Islam ke seluruh dunia. Asas Aqidah yang mantap perlu disemai sejak kanak-kanak ini masih kecil. Rasa cinta dan pautan hati mereka kepada Allah dan RasulNya, masjid serta al-Quran, perlu disuburkan di benak para pelajar supaya suatu hari nanti mereka akan membesar seumpama seponok pokok yang kukuh. Mereka tidak mudah digoyahkan oleh persekitaran yang negatif, tidak tumbang iman mereka kerana desakan hidup atau habuan dunia. Mereka inilah golongan yang menjaga agama dan benteng terakhir umat.

Allah SWT berfirman:

Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit.

(Ibrahim 14:24)

Kegagalan menanam benih-benih keimanan ini akan menyebabkan para pelajar hilang panduan dan pegangan agama dalam diri mereka yang akan menjuruskan mereka ke arah keruntuhan akhlak dan moral (Abu Bakar, 2005). Senario ini pencetus masalah sosial yang berlaku di kalangan para pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah yang dewasa ini disifatkan berada di tahap yang amat membimbangkan (Hashim, 2008).

Namun begitu, pengajaran Pendidikan Islam tidak sama dengan pengajaran mata pelajaran yang lain. Proses pengajaran Pendidikan Islam melibatkan tiga proses iaitu taalim, taadib dan tarbiah (Zawawi, 1996). Syed Hossein Nasr dalam (Ab. Halim & Muhammad Khairul Azman, 2010) mendefinisikan taalim sebagai proses pemindahan ilmu dan pengajaran dalam aspek kognitif sahaja iaitu proses memindahkan dan menyampaikan serta mengajar sesuatu ilmu kepada seseorang yang tidak mengetahui sesuatu ilmu. Taadib pula merupakan proses mendidik yang memfokuskan kepada pembinaan dan penyempurnaan akhlak atau budi pekerti pelajar (Al Attas, 1979). Manakala tarbiyah proses pengembangan dan bimbingan, meliputi jasad, akal, dan jiwa melalui penyuburan yang baik dengan mengasuh, menanggung, memberi makan, mengembangkan, memelihara, membesarkan, menghasilkan dan menjinakkan (Masri, 2010). Menurut Zawawi (1996) tarbiyyah bermaksud proses merealisasikan pembinaan insan, pembentukan dan pasyarakatatan seseorang individu selaras dengan dasar digariskan oleh sesuatu falsafah supaya individu tadi dapat menunjukkan keperibadian yang tinggi dalam setiap perilakunya. Oleh yang demikian, Pendidikan Islam merupakan asas utama dalam membentuk jati diri pelajar ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

PENYATAAN MASALAH

Kekurangan motivasi dan minat terhadap pelajaran Pendidikan Islam seperti mana yang dinyatakan oleh Nik Rosila (2007) mendapati bahawa pelajar kurang minat terhadap pengajaran Pendidikan Islam kerana kaedah pengajaran yang digunakan kurang berkesan. Kajian beliau berkaitan minat pelajar terhadap bidang jawi mendapati bahawa pelajar kurang minat terhadap pengajaran Pendidikan Islam kerana kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam yang membosankan. Pengajaran dan pembelajaran yang lebih kepada berbentuk tradisional seperti kuliah, ceramah dan syarahan turut mendorong kepada kekurangan motivasi dan minat murid terhadap mata pelajaran tersebut (Abdul Jamir et al., 2012). Ahmad Munawar (2009) dalam Ahmad Yunus dan Ab. Halim (2010) juga mendapati bahawa kecenderungan guru-guru Pendidikan Islam menggunakan kaedah kuliah dan syarahan dalam pengajaran Aqidah menyebabkan matlamat pendidikan tersebut tidak tercapai. Pengajaran pendidikan Aqidah menjadi hambar serta menjemukan dan tidak memberi kesan kepada jiwa pelajar. Tambahan pula Pendidikan Islam dipelajari dalam tulisan jawi turut mengurangkan minat terhadap mata pelajaran tersebut.

Kaedah dan cara penyampaian guru di dalam bilik darjah perlu diambil kira dan ia merupakan salah satu faktor kepada peningkatan motivasi dan pencapaian seseorang murid terhadap sesuatu mata pelajaran di sekolah rendah. Abdul Halim et al. (2012) turut menimbulkan isu kaedah pengajaran guru-guru Pendidikan Islam. Apabila murid bermotivasi dan selesa dengan pelajaran tersebut murid akan terus berusaha dan bersaing untuk mendapat markah yang terbaik dalam mata pelajaran tersebut. Mat Shater (2010) menegaskan sikap murid terhadap aktiviti pengajaran adalah pendorong kepada kejayaan akademik. Begitu juga dengan mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah; jika murid bermotivasi mempelajarinya mereka akan mempelajari, mengingat dan mengamal dengan isi kandungan pelajaran tersebut secara tidak langsung akan meningkatkan penguasaan mata pelajaran tersebut dari segi akademik.

Kaedah Bercerita Sebagai Satu Kaedah Pengajaran Bidang Aqidah

Kaedah pengajaran yang berkesan merupakan salah satu faktor kepada keberkesanan sesuatu pengajaran di dalam bilik darjah, termasuklah juga dalam bidang Aqidah. Penguasaan ilmu pengetahuan dan pembentukan peribadi yang sempurna bukan sahaja berpunca daripada ketokohan dan keperibadian guru, bahkan berpunca daripada kurikulum yang lengkap dan disokong oleh kaedah pengajaran yang sempurna. Kaedah yang baik dapat membantu pelajar memperolehi ilmu pengetahuan, kemahiran dan mengubah sikap dan tingkah laku serta menanam minat dan nilai murni yang diingini (Abdul Jamir, Ab. Halim, & A'dawiyah, 2012).

Aszoura (2007) menekankan tentang kaedah pengajaran yang berkesan bagi meningkatkan pengetahuan dan penguasaan serta pemahaman sesuatu konsep dan seterusnya memupuk minat terhadap sesuatu pelajaran. Kaedah pengajaran yang ingin dikaji dalam kajian ini adalah kaedah bercerita. Rasional kaedah bercerita ditonjolkan dalam pengajaran bidang Aqidah adalah kerana bidang Aqidah sering dikaitkan dengan perkara bersifat fakta, tetapi abstrak. Sifat bidang Aqidah yang sebegini berbeza dengan pendekatan kaedah bercerita yang memerlukan pencerita dan pendengar berimajinasi. Bagaimanapun, perbezaan sifat antara kedua-dua perkara tersebut bukanlah satu alasan untuk mengatakan bahawa kaedah bercerita tidak sesuai untuk dijadikan kaedah penajaran bagi pengajaran bidang Aqidah.

Kaedah bercerita merupakan salah satu pendekatan yang boleh digunakan untuk mengajar bidang Aqidah dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Kaedah bercerita menyampaikan isi kandungan kurikulum bidang Aqidah dengan penghayatan dan nilai murni yang diterapkan melalui penceritaan. Kaedah ini boleh digunakan dalam pelbagai cara dan pendekatan samada guru itu sendiri yang bercerita dan murid yang bercerita berdasarkan panduan yang diberikan oleh guru. Kemajuan teknologi yang sedia ada sekarang ini dapat memperkembangkan lagi penggunaan kaedah bercerita dengan bantuan kemajuan teknologi maklumat akan lebih meningkatkan minat, motivasi dan sikap murid terhadap bidang Aqidah dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam. Kaedah bercerita ini juga akan lebih berkesan memandangkan terdapat pelbagai kisah teladan yang berkait rapat dengan isi kurikulum pendidikan Islam yang boleh diguna pakai oleh guru Pendidikan Islam sebagai rujukan mereka dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di dalam kelas.


Kisah dan cerita yang baik akan menarik perhatian pelajar dan seterusnya mengingati fakta-fakta dan beramal dengan nilai murni yang terdapat di dalam kisah tersebut. Rasional kaedah bercerita digunakan dalam pengajaran bidang Aqidah adalah untuk meningkatkan motivasi dan sikap murid kerana ia bersesuaian dengan naluri murid dan fitrah para murid sekolah rendah yang suka mendengar cerita, tambahan pula cerita tersebut disampaikan dalam intonasi suara, gaya dan pergerakan badan yang akan menarik lebih minat para murid mendengar cerita dan mengingati isi pelajaran Aqidah dengan lebih baik dan berkesan.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan skor motivasi terhadap bidang Aqidah antara murid-murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah bercerita dengan murid-murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah syarahan serta mengenal pasti kesan kaedah bercerita terhadap perbezaan skor motivasi murid-murid tahun 4 dalam bidang Pendidikan Islam. Secara khususnya kajian ini ingin menjawab soalan-soalan berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan skor motivasi dan pencapaian akademik terhadap bidang Aqidah antara murid-murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah bercerita dengan murid-murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah syarahan?
2. Adakah kaedah bercerita mendatangkan kesan perbezaan terhadap peningkatan motivasi dan pencapaian akademik kumpulan murid-murid dalam pengajaran bidang Aqidah yang diajar dengan menggunakan kaedah bercerita dengan murid-murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah syarahan?

LANDASAN TEORI

Kajian ini berlandaskan teori motivasi ARCS yang dikemukakan oleh Keller (2010). Rajah 1 menunjukkan empat komponen penting dalam Model ARCS:



Rajah 1. Model Motivasi ARCS oleh Keller (2010).


Model ini merupakan satu panduan atau strategi kepada guru untuk merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang dapat meningkatkan motivasi pelajar terhadap pengajaran Aqidah. Terdapat empat komponen utama dalam model ini. Komponen pertama iaitu komponen perhatian; minat pelajar mempunyai perkaitan dengan perhatian. Oleh itu, jika sesuatu pengajaran itu dapat menarik perhatian pelajar, ini menunjukkan bahawa pelajar tersebut telah melahirkan rasa minat untuk mempelajarinya.

Keller menegaskan bahawa terdapat beberapa strategi yang dapat menimbulkan rasa minat pelajar seperti membangkitkan persepsi pelajar dengan menggunakan kejutan atau kekeliruan, merangsang perasaan ingin tahu dengan menyediakan persoalan yang mencabar atau permasalahan yang perlu diselesaikan. Kesesuaian merupakan komponen yang kedua dalam model motivasi ARCS. Keberkaitan merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran yang dilalui oleh pelajar mempunyai perkaitan dengan pengalaman yang sedia ada sama ada pengalaman baru atau pengalaman lama. Kesesuaian ini akan meningkatkan motivasi belajar terhadap sesuatu pengajaran. Keyakinan merujuk kepada keyakinan pelajar untuk memperolehi sesuatu.

Apabila pelajar yakin dengan sesuatu objektif atau kemahiran aktiviti pembelajaran mereka akan berusaha untuk mencapainya. Guru perlu menyediakan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dapat menimbulkan sifat-sifat positif dalam diri mereka agar mereka terus berusaha untuk mencapainya. Kepuasan iaitu murid berasa bangga dan berpuas hati terhadap hasil pembelajaran yang dilaluinya. Hal ini akan mengekalkan motivasi mereka untuk terus belajar, apabila apa yang dipelajari atau dihasilkan mendapat maklum balas yang positif sama ada berbentuk intrinsik atau ekstrinsik.

Teori Pembelajaran Bloom (1976)

Dalam teori pembelajaran Bloom pula, Bloom (1976) mengemukakan tiga komponen utama yang memberi kesan kepada pembelajaran pelajar. Komponen-komponen tersebut ialah karakter dan sikap pelajar, tugas pembelajaran dan kesan pembelajaran. Komponen pertama iaitu karakter dan sikap pelajar yang terdiri daripada elemen-elemen yang berkaitan dengan kesediaan kognitif dan kesediaan afektif terhadap sesuatu pembelajaran.



Rajah 2. Komponen kesan pembelajaran murid menurut Bloom (1976).

Kesediaan kognitif merujuk kepada sesuatu pra-syarat pengetahuan tertentu, kemahiran dan kompetensi yang penting untuk mempelajari sesuatu pembelajaran yang baru (Bloom, 1976). Nik Rosila (2007) menjelaskan bahawa kesediaan kognitif sebagai persediaan tingkah laku yang akan menentukan sejauh mana suatu pembelajaran boleh dipelajari. Kesediaan afektif pula merupakan tahap sikap dan minat pelajar dapat mempengaruhi tugas pembelajaran dan mempengaruhi aras motivasi pelajar. Bloom (1976) menerangkan bahawa kesediaan afektif merujuk kepada afektif karakter individu yang terdiri dari kompaun karakter minat, sikap dan pandangan peribadi terhadap sesuatu tugas pembelajaran. Beliau menyatakan bahawa karakter minat, sikap dan persepsi sendiri merupakan terma motivasi. Ini bermakna beliau tidak membezakan antara minat dan motivasi.

Begitu juga dengan Keller (2006, 2010, 2011) yang meletakkan minat berada di dalam komponen perhatian dalam model motivasi ARCS beliau. Komponen kedua ialah tugas pembelajaran. Tugas pembelajaran merupakan isyarat atau arahan yang diberikan kepada pelajar; penyertaan pelajar dalam aktiviti pembelajaran dan penegasan serta pengukuhan terhadap pelajar berhubung dengan hasil beberapa pembelajaran. Terdapat empat elemen yang penting dalam tugas pembelajaran iaitu arahan, penyertaan pelajar, pengukuhan dan maklum balas. Anselmo dan Sandra (1981) menyatakan bahawa tugas pembelajaran merupakan syarat yang disediakan kepada pelajar, penyertaan pelajar, sokongan, maklum balas dan penilaian terhadap sesuatu pembelajaran. Carroll (1963) pula mendefinisikan kualiti arahan sebagai tahap pembentangan, penerangan, dan susunan unsur-unsur tugas untuk dipelajari dengan pendekatan optimum kepada belajar.

Bagi komponen ketiga iaitu pencapaian ataupun hasil pembelajaran, Bloom (1976) mengklasifikasikan hasil pembelajaran ini kepada 2 peringkat iaitu peringkat makro dan peringkat mikro. Peringkat makro merujuk tingkat dan aras kepada pencapaian pelajar, manakala peringkat mikro merujuk kepada tahap pencapaian pelajar yang berkaitan dengan kesan mata pelajaran iaitu sejauh mana pelajar minat dan sikap mereka terhadap mata pelajaran tersebut dan bagaimana pembelajaran subjek berkaitan pada masa-masa yang seterusnya. Bloom (1976) telah membahagikan beberapa jenis hasil pembelajaran kepada kesan berkaitan dengan mata pelajaran, kesan berkaitan dengan sekolah, konsep sendiri akademik kesihatan mental.

Oleh yang demikian, hasil pembelajaran dalam berdasarkan Bloom (1976) lebih cenderung kepada kesan yang berkaitan dengan domain afektif. Setelah melalui proses pembelajaran di sekolah, adakah pelajar tersebut dapat menimbulkan rasa minat dan perubahan sikap yang positif terhadap pengajaran dan pengalaman yang diajar dan diterapkan oleh guru? Selain itu adakah pelajar mempunyai nilai persepsi yang positif terhadap sekolah atau pembelajaran di sekolah? Jika perubahan positif tentang sikap, minat, motivasi dan persepsi pelajar berlaku terhadap sekolah, ini bermakna sekolah telah mencapai hasil pembelajaran yang diharapkan iaitu hasil pembelajaran afektif.


Hasil pembelajaran merupakan matlamat terakhir dalam proses pembelajaran. Apabila pelajar mempunyai motivasi dan minat terhadap pembelajaran, ini akan meningkatkan kesan afektif terhadap diri pelajar dan pelajar seterusnya berusaha untuk meningkatkan pencapaian akademik dan pencapaian sesebuah sekolah. Anselmo dan Sandra (1981) menegaskan bahawa dalam teori Bloom apabila pelajar berminat dan mempunyai sikap yang baik terhadap pembelajaran, maka mereka akan mencapai hasil pembelajaran yang sama dalam semua pencapaian pembelajaran tersebut iaitu dari aspek tahap dan jenis pencapaian, tingkat pembelajaran dan hasil afektif pelajar terhadap pembelajaran.

Motivasi dan minat adalah salah satu sifat yang wujud dalam domain afektif dalam kesediaan pembelajaran para pelajar. Kesediaan sifat afektif ini penting kerana ia akan menjamin proses pembelajaran para pelajar yang berkesan dan berterusan. Kawasan afektif berkaitan aspek-aspek emosi, seperti perasaan, minat, sikap, kepatuhan terhadap moral dan sebagainya. Selain kesediaan kognitif, kesediaan afektif juga mempunyai peranan yang penting dalam menjamin proses pengajaran secara berkesan.

Model Pelaksanaan Kaedah Bercerita

Model pelaksanaan kaedah bercerita yang dipilih bagi kajian ini diadaptasi daripada model pelaksanaan kaedah bercerita Chen dan Seedhouse (2010). Terdapat dua pembahagian dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah bercerita, iaitu pertama, peringkat persediaan dan kedua, peringkat susulan.

Dalam peringkat persediaan guru menggunakan pelbagai alat bantu mengajar untuk menarik perhatian, minat dan motivasi pelajar, sebagai contoh gambar-gambar dan audio video. Pada peringkat ini guru menjelaskan nilai, kemahiran dan ilmu untuk disampaikan kepada para murid. Manakala di peringkat aktiviti utama iaitu proses melaksanakan cerita dengan penuh dramatis, guru perlu menggunakan kemahiran yang ada seperti intonasi suara dan gerak geri badan untuk menarik perhatian pelajar. Guru akan melibatkan para pelajar dalam proses penyampaian cerita agar mereka bersama-sama menghayati cerita yang disampaikan. Di peringkat susulan, setelah tamat sesi bercerita, guru mengadakan perbincangan tentang nilai dari kisah yang telah disampaikan seterusnya mengaitkannya dengan kehidupan harian pelajar. Dalam bahagian seterusnya dalam sesi pengajaran tersebut, pelajar diberi peluang untuk bercerita semula, mengadakan sesi pembentangan dan melakukan aktiviti lain seperti kuiz dan melukis watak-watak dalam cerita tersebut. Seterusnya sesi pengajaran dan pembelajaran tamat dengan saranan guru agar pelajar dapat mengamalkan nilai yang dipelajari dan mencontohi watak yang baik dalam cerita yang disampaikan. Model pelaksanaan kaedah bercerita ini digambarkan menerusi Rajah 3 berikut:



Rajah 3. Model pelaksanaan kaedah bercerita (Adaptasi daripada Chen & Seedhouse, 2010).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk Kajian

Kajian ini ialah kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah penyelidikan quasi eksperimen menggunakan ujian pra dan ujian pasca ke atas dua kumpulan murid tahun 4 A dari dua buah sekolah yang berbeza. Reka bentuk ini sangat disyorkan kerana ia melibatkan ujian pra yang dapat membantu menangani masalah mortaliti eksperimen (Noraini, 2010). Ini bermaksud kedua-dua kumpulan tersebut akan diberi ujian pra sebelum intervensi. Manakala ujian pasca pula akan diadakan selepas intervensi dijalankan. Kaedah ini dipilih kerana dapat membantu pelajar menafsir dan memahami sesuatu peristiwa di luar pengalaman yang sedia ada, menghibur dan menyeronokkan para pelajar, membantu mereka berkongsi pengalaman dan nilai serta menghargai kepelbagaian budaya yang terdapat dalam cerita (Davies, 2007).

Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah kaedah bercerita yang akan dimanipulasikan dalam kajian ini terhadap kumpulan eksperimen. Manakala pemboleh ubah bersandar ialah skor motivasi dan pencapaian akademik pelajar terhadap bidang Aqidah dalam pelajaran Pendidikan Islam sebelum dan selepas mengikuti pengajaran menggunakan kaedah bercerita dan kaedah syarahan. Kedua-dua pemboleh ubah ini dipilih kerana kepentingannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai hasil pengajaran dan pembelajaran yang dihasilkan.

Prosedur Kajian

Penyelidikan ini dijalankan selama lapan minggu di sekolah-sekolah berkenaan, iaitu enam minggu untuk proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dan dua minggu untuk menjalankan ujian pra bagi minggu pertama dan minggu terakhir bagi menjalankan ujian pasca. Setiap minggu hanya dua waktu atau satu jam diambil untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kajian ini mengambil masa selama 12 waktu untuk disempurnakan.

Pada minggu kedua hingga minggu ketujuh murid kumpulan eksperimen akan diberikan pengajaran menggunakan kaedah bercerita dan murid kumpulan kawalan akan diajar menggunakan kaedah syarahan. Kedua-dua kumpulan tersebut akan mengikuti isi kandungan dan bahan pelajaran yang sama iaitu pemboleh ubah yang dimalarkan, cuma yang membezakan antara kedua-dua kumpulan tersebut ialah kaedah pengajaran yang digunakan. Guru yang mengendalikan pengajaran ialah dua orang ustaz yang berbeza yang mempunyai pengalaman selama tujuh dan lapan tahun dalam bidang Pendidikan Islam, dengan kelulusan tertinggi dalam bidang Pengajian Islam serta kelulusan ikhtisas Diploma Perguruan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI).

Bagi melancarkan dan memastikan penyelidikan ini berkesan dan mencapai objektifnya, penyelidik menyediakan rancangan pengajian harian dengan menggunakan kaedah bercerita dan kaedah syarahan tentang topik-topik Aqidah dalam sukatan pelajaran Tahun Empat yang telah ditentukan. Guru-guru yang mengajar kedua-dua kumpulan kajian tersebut diberi taklimat dan latihan selama seminggu untuk mendapatkan penjelasan berkaitan dengan matlamat, tujuan kajian, sukatan pelajaran dan topik-topik yang akan diajar serta bentuk-bentuk ujian yang akan digunakan. Dalam tempoh seminggu itu juga guru-guru tersebut diberi panduan dan latihan pengajaran Aqidah dengan menggunakan kaedah bercerita dan kaedah syarahan dalam setiap langkah pengajaran yang disediakan di dalam pengajaran minggu kedua hingga minggu ketujuh.

Sampel Kajian

Sampel yang dipilih dalam kajian ini ialah 1 kelas murid-murid Tahun 4A sekolah rendah yang terdiri daripada 30 orang murid dari sekolah A sebagai kumpulan eksperimen dan 1 kelas 4A yang lain dari sekolah B yang terdiri daripada 30 orang murid sebagai kumpulan kawalan. Kedua-dua buah sekolah tersebut masing-masing terletak di daerah yang sama. Kesemua sampel yang terlibat berumur 10 tahun dan bukan perwakilan yang sebenar untuk sesuatu kawasan. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua murid Tahun 4 sekolah-sekolah lain.

Instrumen Kajian

Instrumen yang diguna pakai dalam penyelidikan ini ialah soal selidik motivasi yang diperolehi dan diubah suai daripada Model Motivasi ARCS oleh Keller (2010) dan ujian pencapaian bidang Aqidah yang dibina sendiri oleh penyelidik. Menurut Keller (2010) instrumen soal selidik motivasi ini boleh diaplikasikan kepada semua peringkat umur pelajar siswazah, belia, pelajar sekolah menengah dan murid-murid sekolah rendah, dapat mengukur tahap motivasi murid terhadap sesuatu kursus atau pelajaran dan boleh diadaptasikan mengikut situasi. Instrumen ini mempunyai 36 item dengan setiap item diuji menggunakan skala Likert 1-5 mata, daripada sangat tidak bersetuju hingga sangat bersetuju.

Ujian pencapaian bidang Aqidah dibina oleh penyelidik untuk menguji tahap pencapaian bidang Aqidah terhadap topik-topik yang dipelajari dengan menggunakan kaedah bercerita. Ujian pencapaian ini terdiri daripada tiga bahagian yang merangkumi soalan yang berkaitan tiga topik tahun empat yang diajar dengan menggunakan kaedah bercerita dan kaedah syarahan iaitu topik Al-Hadi, As-Salam dan konsep Pahala dan Dosa. Jumlah soalan adalah sebanyak 25 soalan. Soalan pencapaian tersebut mengikut aras yang sama di antara dua sekolah tersebut serta mendapat pengesahan daripada Ketua Panitia Pendidikan Islam di sekolah A dan sekolah B. Ujian pencapaian diadakan sebanyak dua kali iaitu ujian pra dan ujian pasca.

Kebolehpercayaan instrumen ini telah pun diuji melalui satu kajian rintis yang dijalankan terhadap sebuah sekolah kebangsaan di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Dapatan kajian rintis mendapati nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach adalah boleh diterima iaitu sebanyak .72. Bagi pengesahan isi kandungan instrumen ujian pencapaian bidang Aqidah, pengesahan dilakukan oleh dua orang pakar bidang iaitu seorang ustaz yang mempunyai kelulusan ikhtisas Diploma Perguruan KPLI jurusan Pendidikan Islam yang sudah berkhidmat selama tujuh dan sembilan tahun.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perbezaan Tahap Motivasi antara Murid-Murid yang Mengikuti Pembelajaran Aqidah dengan Menggunakan Kaedah Bercerita dan Kaedah Syarahan

Jadual 1 menunjukkan skor motivasi ujian pra bagi kedua-dua kumpulan responden yang dikaji. Min skor motivasi bagi kumpulan eksperimen lebih rendah berbanding dengan skor motivasi kumpulan kawalan iaitu masing-masing 3.30 dan 3.75. Nilai skor motivasi minimum bagi kumpulan eksperimen ialah 2.31 dan maksimum ialah 4.14 Manakala nilai skor motivasi bagi kumpulan kawalan ialah sebanyak 3.11 dan skor maksimum 4.53.

Jadual 1

Skor Min Motivasi Responden bagi Ujian Pra

| Kumpulan | Skor Minimum | Skor Maksimum | Skor Min | Sisihan Piawai |
|------------|--------------|---------------|----------|----------------|
| Eksperimen | 2.31 | 4.14 | 3.30 | .38 |
| Kawalan | 3.11 | 4.53 | 3.75 | .34 |

Jadual 2 pula menjelaskan skor motivasi responden dalam ujian pasca. Min skor motivasi bagi kumpulan eksperimen adalah sebanyak 4.06, di mana skor minimum adalah sebanyak 2.67 dan skor maksimum 3.75. Skor Min motivasi bagi kumpulan kawalan adalah sebanyak 3.75 di mana skor minimum adalah sebanyak 2.81 dan skor maksimum sebanyak 5.0. Keadaan ini menunjukkan terdapat perbezaan skor min motivasi dalam ujian pasca antara kedua-dua kumpulan selepas intervensi kaedah bercerita dijalankan.

Jadual 2

Skor Min Motivasi Responden bagi Ujian Pasca

| Kumpulan | Skor Minimum | Skor Maksimum | Skor Min | Sisihan Piawai |
|------------|--------------|---------------|----------|----------------|
| Eksperimen | 2.67 | 4.67 | 4.06 | .38 |
| Kawalan | 2.81 | 5.00 | 3.75 | .46 |

Seterusnya, bagi memastikan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan skor min motivasi murid antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan, maka penyelidik menggunakan ujian-*t* sampel bebas terhadap ujian pasca bagi mengenal pasti perbezaan antara kedua-dua kumpulan tersebut secara signifikan. Jadual 3 menunjukkan dapatan hasil ujian *t* sampel bebas yang telah dilaksanakan:

Jadual 3

Jadual Perbandingan Skor Min Motivasi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan dalam Ujian Pasca

| Kumpulan | Ujian | N | Min | sp | df | t | sig |
|------------|-------|----|------|-----|----|------|------|
| Eksperimen | Pasca | 30 | 4.08 | .38 | 58 | 2.31 | 0.03 |
| Kawalan | Pasca | 30 | 3.81 | .46 | | | |

Signifikan pada aras keertian $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 3 didapati nilai $t = 2.31$; $df = 58$ dan $p = 0.03$. Maka nilai sigma lebih kecil daripada aras keertian 0.05 ($p < 0.05$), maka hipotesis nol ditolak. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min motivasi kumpulan eksperimen dan skor kumpulan kawalan dalam ujian pasca. Skor min motivasi kumpulan eksperimen ialah 4.08 dan sisihan piawai .38, manakala skor min motivasi kumpulan kawalan ialah 3.81 dan sisihan piawai .46. Hal ini menjelaskan skor min motivasi murid kumpulan eksperimen lebih tinggi berbanding dengan skor min motivasi murid kumpulan kawalan dalam ujian pasca.

Jadual-jadual 1, 2 dan 3 memberi maklumat bahawa murid-murid kumpulan kawalan mempunyai tahap motivasi yang tinggi dalam pengajaran Aqidah sebelum intervensi bermula. Setelah intervensi kaedah bercerita dilaksanakan setiap satu jam bagi satu sesi sebanyak satu kali seminggu dalam tempoh enam minggu terhadap kumpulan eksperimen, ujian pasca menunjukkan tahap motivasi murid-murid kumpulan eksperimen meningkat mengatasi kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah syarahan. Ini turut menunjukkan bahawa kaedah bercerita dapat meningkatkan motivasi murid-murid untuk mempelajari bidang Aqidah.

Seterusnya, ujian-*t* berpasangan dijalankan untuk melihat kesan kaedah bercerita terhadap peningkatan motivasi murid dalam kumpulan eksperimen.

Jadual 4

Jadual Perbandingan Kesan Kaedah Bercerita terhadap Skor Motivasi Kumpulan Eksperimen dalam Ujian Pra dan Ujian Pos

| Kumpulan | Ujian | N | Min | <i>sp</i> | <i>df</i> | <i>t</i> | sig |
|------------|------------------|----|------|-----------|-----------|----------|-------|
| Pasangan 1 | Pra eksperimen | 30 | 3.30 | .38 | 29 | -9.80 | 0.00* |
| | Pasca Eksperimen | 30 | 4.06 | .39 | | | |

Signifikan pada aras keertian $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 4, nilai $t = -9.795$; $df = 29$ dan $p = 0.000$. Ini menunjukkan bahawa nilai sigma lebih kecil daripada aras keertian 0.05 ($p < 0.05$), yang membawa maksud hipotesis nol ditolak. Maka dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min motivasi ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan murid kumpulan eksperimen. Skor min motivasi ujian pra ialah 3.30 dan sisihan piawai 0.38, manakala skor min motivasi ujian pasca ialah 4.08 dan sisihan piawai 0.90. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa penggunaan kaedah bercerita dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bidang Aqidah dapat meningkatkan motivasi murid secara signifikan. Maka, hipotesis nol adalah ditolak.

Perbezaan Tahap Pencapaian antara Murid-Murid yang Mengikuti Pembelajaran Aqidah dengan Menggunakan Kaedah Bercerita dan Kaedah Syarahan

Jadual 5 menunjukkan min skor pencapaian akademik ujian pra bagi kedua-dua kumpulan responden yang dikaji. Min skor pencapaian akademik bagi kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 65%. Nilai skor minimum adalah sebanyak 30% dan skor maksimum adalah sebanyak 88%. Bagi skor pencapaian akademik kumpulan kawalan pula, nilai skor min adalah sebanyak 63.20%, di mana skor minimum adalah sebanyak 32% dan skor maksimum 80%.

Jadual 5

Skor Min Pencapaian Akademik Responden bagi Ujian Pra

| Kumpulan | Skor Minimum (%) | Skor Maksimum (%) | Skor Min (%) | Sisihan Piawai |
|------------|------------------|-------------------|--------------|----------------|
| Eksperimen | 30 | 88 | 64.77 | 15.89 |
| Kawalan | 32 | 80 | 63.20 | 14.12 |

Jadual 6 pula menjelaskan skor pencapaian akademik responden dalam ujian pasca. Min skor pencapaian akademik bagi kumpulan eksperimen adalah sebanyak 80%, di mana skor minimum adalah sebanyak 46% dan skor maksimum 96%. Skor min pencapaian akademik bagi kumpulan kawalan adalah sebanyak 72% di mana skor minimum adalah sebanyak 48% dan skor maksimum sebanyak 92%.

Jadual 6

Skor Min Pencapaian Akademik Responden bagi Ujian Pasca

| Kumpulan | Skor Minimum (%) | Skor Maksimum (%) | Skor Min (%) | Sisihan Piawai |
|------------|------------------|-------------------|--------------|----------------|
| Eksperimen | 46 | 96 | 79.67 | 14.74 |
| Kawalan | 48 | 92 | 71.5 | 11.30 |

Bagi memastikan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan skor min pencapaian akademik murid antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan, maka penyelidik menggunakan ujian-*t* sampel bebas terhadap ujian pasca bagi mengenal pasti perbezaan antara kedua-dua kumpulan tersebut selepas intervensi diadakan. Jadual 7 menunjukkan dapatan hasil ujian- *t* sampel bebas yang telah dilaksanakan:

Jadual 7

Perbandingan Skor Min Pencapaian Akademik Antara Kumpulan Bagi Ujian Pasca

| Kumpulan | Ujian | N | Min | <i>sp</i> | <i>df</i> | <i>t</i> | sig |
|------------|-------|----|-------|-----------|-----------|----------|------|
| Eksperimen | Pasca | 30 | 79.66 | 14.73 | 58 | 2.41 | 0.02 |
| Kawalan | Pasca | 30 | 71.50 | 11.29 | | | |

Signifikan pada aras keertian $p < 0.05$

Jadual 7 menunjukkan nilai $t = 2.41$; $df = 58$ dan $p = 0.02$. maka nilai sigma lebih kecil daripada aras keertia 0.05 ($p < 0.05$), hipotesis nol ditolak. Maka boleh disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min motivasi kumpulan eksperimen dan skor kumpulan kawalan dalam ujian pasca. Rumusan ujian-*t* sampel bebas mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor pencapaian akademik bidang Aqidah murid-murid kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Dapat dirumuskan bahawa kaedah bercerita dapat membantu meningkatkan tahap pencapaian akademik murid-murid tahun 4 dalam mempelajari Aqidah dalam Pendidikan Islam.

Seterusnya, ujian-*t* berpasangan dijalankan untuk melihat kesan kaedah bercerita terhadap pencapaian akademik murid dalam kumpulan eksperimen.

Jadual 8

Perbandingan Kesan Kaedah Bercerita terhadap Skor Pencapaian Akademik Bidang Aqidah Kumpulan Eksperimen dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca

| Kumpulan | Ujian | N | Min | <i>sp</i> | <i>df</i> | <i>t</i> | sig |
|------------|------------------|----|-------|-----------|-----------|----------|-------|
| Pasangan 1 | Pra eksperimen | 30 | 64.77 | 15.90 | 29 | -16.11 | 0.00* |
| | Pasca Eksperimen | 30 | 79.67 | 14.74 | | | |

Signifikan pada aras keertian $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 8 nilai $t = -16.11$; $df = 29$ dan $p = 0.000$. Ini menunjukkan bahawa nilai sigma lebih kecil daripada aras keertian 0.05 ($p < 0.05$), yang membawa maksud hipotesis nol ditolak. Maka dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pencapaian akademik responden dalam ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan murid kumpulan eksperimen.

Kaedah bercerita merupakan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran secara aktif yang melibatkan penyertaan murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran tersebut (Abdul Jamir et al., 2012). Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang berada dalam tugas pembelajaran yang boleh memberi kesan kepada persediaan afektif pelajar dan hasil afektif pembelajaran pelajar dan minat terhadap pengajaran dan pembelajaran guru yang berikutnya seperti mana disokong oleh kajian Su (2009) yang menunjukkan kaedah bercerita lebih berkesan jika dibandingkan dengan kaedah syarahan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral.

Dapatan ini juga telah disokong oleh kajian Romawati (2007) di mana beliau mendapati kaedah bercerita dapat meningkatkan minat dan motivasi murid-murid di taman kanak-kanak Bait Al- Falah Ranji Indonesia terhadap pengajaran Pendidikan Islam yang diajar dengan menggunakan kaedah bercerita. Sohaimi (2005) turut memperolehi dapatan bahawa kaedah bercerita dapat meningkatkan minat dan emosi murid-murid prasekolah terhadap mempelajari isi kandungan pelajaran dengan lebih seronok dan aktif. Kajian-kajian tersebut membuktikan lagi bahawa kaedah bercerita dapat memberi kesan kepada peningkatan motivasi dan minat murid

terhadap pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga dengan Zulkarnain, Effandi, dan Ramlee (2009) turut mengesahkan dalam kajian beliau bahawa kaedah bercerita dapat menarik minat dan merubah sikap pelajar terhadap pelajaran Matematik. Dengan penggunaan kaedah tersebut pelajar lebih bermotivasi dan tekun serta seronok dengan mata pelajaran Matematik. Dengan ini jelas bahawa kaedah bercerita dapat memberi kesan kepada tahap minat dan motivasi para pelajar dalam pelbagai disiplin ilmu, termasuk disiplin ilmu yang dianggap abstrak tetapi faktual seperti Aqidah. Kajian Zuraini dan Abdul Rasid (2014) pula dicadangkan sebagai kaedah alternatif dalam meningkatkan pencapaian penulisan naratif pelajar ekoran keberkesannya.

Seterusnya, dapatan kajian ini sejajar dengan dapatan kajian oleh Perger (2011) yang menggunakan kaedah bercerita dalam mata pelajaran Matematik khususnya dalam kemahiran berfikir menyelesaikan permasalahan dalam Matematik. Kaedah bercerita dapat meningkatkan kemahiran berfikir murid-murid dengan menyelesaikan masalah Matematik yang diberi. Begitu juga kajian Whithin dan Gary (1994) yang menggunakan kaedah bercerita dalam menyelesaikan permasalahan Matematik dalam kehidupan harian dengan memberikan situasi permasalahan Matematik dalam cerita yang disampaikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah bercerita dapat meningkatkan kemahiran murid dan pencapaian dalam pelajaran Matematik khususnya penyelesaian masalah. Dalam kajian Robiatul A'dawiah dan Halimah (2011) pula beliau telah berjaya menarik minat dan motivasi serta meningkatkan pencapaian para murid dalam topik angkasa lepas dalam subjek Sains setelah diajar dengan menggunakan kaedah bercerita dalam bahan pengajarannya iaitu interaktif *Myscience*.

Elemen-elemen yang terdapat dalam kaedah bercerita seperti humor, gaya dan intonasi penyampaian guru serta persoalan-persoalan yang timbul tentang babak-babak seterusnya membangkitkan motivasi dan minat murid untuk terus mendengar, mengetahui peristiwa serta melibatkan diri dalam aktiviti soal jawab dalam pengajaran dan pembelajaran tersebut. Hal ini juga ditegaskan oleh Keller (2010) yang mendapati bahawa kaedah bercerita merupakan salah satu kaedah yang dapat meningkatkan perhatian (*attention*) murid-murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah kerana kaedah bercerita yang digunakan dapat menaikkan naluri murid ingin tahu selanjutnya mendorong motivasi mereka untuk terus bersama-sama dalam sesi pengajaran dan pembelajaran tersebut sehingga tamat. Hal ini turut ditegaskan oleh Bloom (1976) bahawa motivasi pelajar dapat ditingkatkan apabila guru mengambil kira 3 aspek proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran iaitu persediaan kognitif dan afektif pelajar, tugas pembelajaran dan hasil pembelajaran.

Dapatan kajian ini turut selari teori Keller (2010) dalam elemen kedua iaitu kesesuaian (*relevance*) dan kepuasan (*satisfaction*). Apabila murid mengetahui kepentingan kemahiran yang diajar oleh guru mempunyai perkaitan atau kesesuaian dengan kehidupan harian murid, mereka akan cuba menghargainya dan mengamalkan dalam kehidupan. Situasi ini juga akan membantu mereka mengingati fakta-fakta atau kemahiran-kemahiran yang telah diajar oleh guru. Disokong dengan cerita yang disampaikan guru dan penggunaan alat bantu mengajar seperti LCD, interaktif *PowerPoint* dan audio video membantu para murid untuk mengingati fakta-fakta yang diberi. Sohaimi (2005) mendapati dalam kajiannya bahawa bahan-bahan bantu mengajar yang menggunakan digital interaktif dapat meningkatkan peratus penguasaan kemahiran-kemahiran yang hendak dinilai terhadap respondennya bagi murid-murid prasekolah. Begitu juga dengan kajian Su (2009) yang mendapati penggunaan kaedah bercerita dapat meningkatkan pencapaian murid-murid dalam ujian Pendidikan Moral. Ini kerana kaedah bercerita dapat membina suasana pembelajaran yang riang, gembira dan kondusif. Teori pembelajaran Bloom (1976) juga menyatakan bahawa jika aspek tugas pembelajaran yang dirancang bersesuaian dengan kesediaan afektif dan kognitif pelajar, maka guru akan memperolehi hasil pembelajaran yang dikehendaki sama ada berbentuk pencapaian akademik dan pencapaian sikap serta tingkah laku para pelajar terhadap kemahiran dan ilmu yang dipelajari.

Kajian ini mendapati bahawa kaedah bercerita dapat membantu pelajar meningkatkan tahap motivasi dan pencapaian dalam pelajaran Aqidah bagi murid-murid tahun 4 sekolah rendah. Apabila murid-murid bermotivasi dan berminat dengan pengajaran dan pembelajaran Aqidah ini akan mendorong mereka mengingati segala fakta yang diajar secara sukarela. Bagaimanapun, sampel kajian ini dipilih dari kalangan murid-murid yang berada di kawasan luar bandar iaitu sekolah yang mempunyai murid yang tidak ramai, tahap pemikiran dan keupayaan kurang berbanding murid-murid yang berada di kawasan bandar. Kajian seterusnya boleh dilakukan ke atas sampel murid yang berada di kawasan bandar dan sekolah yang mempunyai jumlah murid yang ramai. Perbandingan kesan kaedah bercerita juga boleh dilakukan antara sampel yang berada di luar bandar dan di

bandar. Selain itu, perbandingan juga boleh dibuat antara murid-murid yang mengikuti pengajaran Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan dan sekolah KAFA. Bahkan, penyelidikan yang sama juga boleh diaplikasikan ke atas bidang-bidang yang lain dalam Pendidikan Islam seperti Bidang Adab, Ibadah dan Sirah. Penyelidikan boleh dilakukan bagi mengenal pasti keberkesanan kaedah bercerita terhadap bidang-bidang tersebut. Penghasilan modul kaedah bercerita dalam pelbagai bidang dalam Pendidikan Islam, khususnya dan bidang lain amnya juga boleh dijalankan.

PENUTUP

Kajian ini memberi indikasi bahawa kepelbagaian pendekatan pengajaran sekiranya diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu bidang mampu untuk memberikan kesan positif khususnya dalam pendidikan Islam sekolah rendah. Kajian ini mendapati kaedah bercerita dapat meningkatkan motivasi, minat serta pencapaian murid-murid agar dapat mempelajari Aqidah dalam keadaan seronok dan rela hati. Kaedah ini boleh dijadikan kaedah alternatif oleh guru-guru Pendidikan Islam untuk menarik minat dan meningkatkan motivasi murid-murid mempelajari Aqidah berbanding dengan kaedah yang sedia ada yang selalu digunakan seperti kaedah syarahan dan soal jawab. Pembelajaran dan pengajaran Aqidah bersifat rohani yang memerlukan penghayatan serta kreativiti yang tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran agar nilai yang diajar dapat diterapkan dengan jayanya dalam diri pelajar. Jika aspek ini tidak diambil kira oleh guru-guru Pendidikan Islam, maka pengajaran dan pembelajaran Aqidah akan menjadi lemah dan membosankan. Seterusnya nilai dan penghayatan yang ingin disampaikan gagal diterapkan. Maka masalah sosial akan menjadi lebih sukar untuk dibendung apabila pengajaran agama gagal diterapkan dan diamalkan dalam kehidupan para pelajar. Tambahan pula, melalui penggunaan alat bantu mengajar seperti audio visual dan interaktif ICT kini, cara penyampaian kaedah bercerita boleh dikembangkan lagi dengan menggunakan pelbagai alat moden agar ia bersesuaian dengan kehendak perubahan zaman.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, & Muhammad Khairul Azman, Ajuhary. (2010). Amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'alim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Ab. Halim Tamuri, Muhammad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012, Disember). Komponen asas untuk latihan guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53-63. Diakses dari <http://www.gjat.my/gjat122012/2320120202.pdf>
- Abdul Jamir Md Saad, Ab. Halim Tamuri, & A'dawiyah Ismail. (2012, Julai 3-6). *Pembelajaran aktif dalam pengajaran dan pembelajaran berkesan Pendidikan Islam*. Pembentangan dalam Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 di Seremban, Malaysia.
- Abu Bakar Yang. (2005). Pendidikan Islam asas pembentukan akhlak mulia remaja. Diakses dari http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=800&cmd=res_etall
- Ahmad Yunus Kassim, & Ab. Halim Tamuri. (2010b). Teaching Islamic Theology in secondary school: Subject content knowledge and pedagogical considerations. Retrieved from http://submit.confbay.com/download/Format_ICIEd2010_0r2trjdUav.pdf
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (Ed.)(1979). *Aims and objectives of Islamic education*. Sevenoaks, UK: Hodder and Stoughton/Jeddah, Saudi Arabia: King Abdul Aziz University..
- Anselmo, Sandra. (1981). Bloom's Human Characteristic and School Learning in Perspective. Retrieved from <http://er.aera.net> at Universiti Sains Malaysia on May 8, 2012].
- Aszoura, Muhammed Salleh. (2007). *Keberkesanan kaedah Pembelajaran Berbantuan Komputer (Penggunaan Perisian Power Point Interaktif) terhadap peningkatan penguasaan Konsep Sains dan Tajuk Sel untuk Sains Tingkatan 1*. Fakulti Sains dan Pendidikan Asas, Universiti Terbuka Malaysia.
- Bloom, B. S. (1976). *Human characteristics and school learning*. New York, NY: McGraw-Hill.
- Carroll, J. B. (1963, May). A model for school learning. *Teachers College Record*, 64, 723-33.
- Chen, Y. L, & Seedhouse, P. (2010). Classroom interaction in story based lessons with young learners. *Asian EFL Journal*, 12(2), 291-293.

- Davies, Alison. (2007). *Storytelling in the classroom: Enhancing traditional oral skills for teachers and pupils*. London, UK: Paul Chapman.
- Hashim, H. B. Khairulhelmi, K., Mohd Fahmi, M. S., & Syed Mohamed Syafeq, S. M. (2008). Keruntuhan akhlak dan gejala sosial dalam keluarga: Isu dan cabaran. Dalam *Seminar Kaunseling Keluarga* (hh. 51-62). Diakses dari http://eprints.utm.my/6511/1/HashimBedu2008_KeruntuhanAkhlakGejalaSosialKeluarga.pdf
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (JAKIM) (2008). Hadis Bukhari dan Muslim: Ukuran Iman Yang Sempurna. Diakses dari <http://m.islam.gov.my/e-hadith/ukuran-iman-yang-sempurna>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (JAKIM) (2017). Ciri-ciri manusia unggul. Diakses dari http://members.tripod.com/siti_2/01/79.html
- Keller, J. M. (2006). What is motivational design. Florida State University. Retrieved from <http://www.arcsmodel.com/pdf/Motivational%20Design%20Rev%20060620.pdf>
- Keller, J. M. (2010). *Motivational design for learning and performance: The ARCS model approach*. New York, NY: Springer.
- Keller, J. M. (2011). *ARCS: Attention, Relevance, Confidence and Satisfaction*. Retrieved from <http://www.arcsmodel.com/home.htm>
- Masri, Haji Kamar. (2010). *Dasar Pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam: Satu kajian semasa pemerintahan Sultan Haji Omarali Saifuddin III dan Sultan Hj. Hasanal Bolkiah 1950 - 2007*. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Mat Shater Awang. (2010). *Sikap dan penglibatan Penolong Pegawai Perubatan Pelatih dalam aktiviti kokurikulum dengan pencapaian akademik*. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Mohd Kamal Hassan, Faisal Othman, & Razali Nawawi. (1992). Konsep Pendidikan Islam dan Matlamat Persekolahan Agama dan Arab di Malaysia. Dlm. Ab. Rahman Ismail (Ed.), *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Rosila, Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 22, 161-172.
- Noraini, Idris (2010). *Persampelan*. Kuala Lumpur, Malaysia: McGraw-Hill Education.
- Perger, Pamela. (2011). *Identifying Mathematics in children's literature: Year Seven students results*. Paper presented at the Proceedings of the AAMT MERGA Conference, Alice Springs.
- Robiatul A'dawiah, J., & Halimah, B. Z. (2011). Cerita Interaktif untuk Pembangunan Sains Cakerawala. Pembentangan dalam *Multimedia and Creative Content Symposium*, UPSI.
- Romawati, Novi. (2007). Metode Bercerita sebagai Penanaman Pendidikan Agama Islam pada Anak-anak Usia Pra Sekolah di Taman Kanak-kanak Bait al-Falah Pondok Ranji. Universitas Islam Syarif Hidayatul Jakarta. Diakses dari <http://idb4.wikispaces.com/file/view/ss4010-METODE+BERCERITA+SEBAGAI+PENANAMAN.pdf>
- Said, Ibrahim. (1996). *Aqidah : Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Darul Ma'arifah.
- Shuhairimi, Abdullah. (2004). Konsep Asas Pembinaan Tamadun Islam dalam Menjana Masyarakat Hadhari. Diakses dari https://www.google.com.my/#hl=en&output=search&client=psy-ab&q=Konsep+asas+Pembinaan+tamadun+Islam&oq=&aq=&aqi=&aql=&gs_l=&psj=1&bav=on.2,or.r_gc.r_pw.r_cp.r_qf.,cf.osb&fp=2337fa27111a6614&biw=800&bih=410
- Sohaimi, Abdul Azizi. (2005). *Kaedah bercerita dan perbincangan buku dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran kecerdasan emosi*. (Tesis yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang).
- Su, C. H. (2009). *Perbandingan penggunaan kaedah bercerita dan kaedah konvensional terhadap minat, motivasi dan pencapaian murid tahun lima sekolah kebangsaan Cina dalam Pendidikan Moral*. (Tesis yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang).
- Whitin, J., & Gary, Cassandra G. (1994). Promoting mathematical explorations through children's literature. *Arithmetic Teacher*, 41(7), 394-399.
- Zainal Abidin, Abdul Kadir. (1992). Pendidikan Islam di Sabah dan Sarawak: Masalah dan perlaksanaannya. Dlm. Ab. Rahman Ismail (Ed.), *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zawawi Ahmad. (1996). *Sains dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zuraini Jusoh, & Abdul Rasid Jamian. (2014, Mei). Kesan bercerita terhadap pencapaian penulisan karangan naratif Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 11-18.